

96 pelajar SMK Senaling ikuti SPARTAR 2.0

Kuala Lumpur: Majlis Perwakilan Kolej (MPK) Kolej Empat Belas (K14) dengan kerjasama pihak pengurusan K14 dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan *Sparkle Star Outreach Programme* (SPARTAR) 2.0, baru-baru ini.

Program yang terbahagi kepada dua siri itu diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Senaling, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan di UPM Kampus Serdang, Selangor.

Pengarah program, Muhammad Faiz Mohd Salehudin, berkata matlamat utama program itu adalah untuk memberi pendedahan dan membuka minda pelajar, sekali gus menarik minat mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi khususnya ke institusi pengajian tinggi (IPT).

"SPARTAR 2.0 kali ini memfokuskan kepada pelajar sekolah menengah terutamanya pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima dengan tema program



Together We Sparkle, Together We Care.

"Pemilihan SMK Senaling sebagai lokasi program adalah satu pilihan yang istimewa kerana sebagai alumni sekolah ini, ia memberi peluang kepada saya untuk kembali menyumbang dan berbakti kepada sekolah," katanya.

Seramai 45 mahasiswa K14 UPM mengambil bahagian da-

lam program selama tiga hari itu yang membabitkan penyer-taan 56 pelajar SMK Senaling untuk Siri I manakala 40 pelajar SMK Senaling dibawa ke UPM untuk Siri II SPARTAR 2.0.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuklah *Love Yourself Harder*, *Passport To The Future*, *Explore 6th Sense* dan *It's My Decision*, malah pelajar SMK Senaling dan fasilitator juga diberi pe-

luang menyerlahkan bakat diri dengan membuat persembahan untuk Majlis Penutupan SPARTAR 2.0 Siri I.

Wakil pelajar, Ahmad Abdullah Nor Norsham Salman, berkata beliau dan rakan-rakan berterima kasih kepada semua fasilitator serta ahli jawatankuasa yang menjayakan SPARTAR 2.0.

"Melalui program ini, kami

Pelajar SMK Senaling bergambar kenangan bersama fasilitator dari UPM sempena program SPARTAR 2.0 yang diadakan, baru-baru ini.

mendapat banyak ilmu dan berpeluang menerokai benda baharu terutama sekali ketika melakukan aktiviti kemahiran berfikir aras tinggi.

"Aktiviti yang dijalankan turut membantu kami untuk keluar daripada kepompong kebiasaan dengan menggalakkan kami untuk banyak berfikir dan bercakap di depan khalayak ramai," katanya.